



Headline: Pesara guru rugi RM147,000 ditipu sindiket  
Macau Scam  
Publication/Portal: Harian Metro  
Date: 3 September 2018

Language: Malay  
Section: Setempat  
Page: 11

**Kota Bharu**

## **Pesara guru rugi RM147,000 ditipu sindiket Macau Scam**

Seorang pesara guru kerugian RM147,000 ditipu sindiket Macau Scam dalam kejadian di Pengkalan Chepa di sini, dua minggu lalu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Kelantan, Superintendan Mohamed Zulmazi Che Daud berkata, mangsa berusia 56 tahun membuat laporan polis pada 28 Ogos lalu.

Beliau berkata, mangsa mendakwa menerima panggilan daripada seorang wanita ketika berada di rumahnya di Pengkalan Chepa pada 19 dan 20 Ogos lalu.

Katanya, suspek mendakwa mangsa mempunyai tunggakan hutang bank sebanyak RM70,000.

"Suspek juga menyambungkan panggilan itu kepada seorang yang dikatakan sebagai pegawai polis dan turut memaklumkan mangsa melakukan pengubahan wang haram.

"Mereka mahu mangsa membayar sejumlah wang untuk menyelesaikan kes itu dan mengelak dia daripada ditangkap," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Beliau berkata, kerana takut mangsa mengikut segala arahan suspek termasuk memberi nombor pin akaun bank kepunyaannya.

Katanya, mangsa pergi ke sebuah bank dengan melakukan transaksi sebanyak RM17,000 ke dalam akaun suspek.

"Selepas itu mangsa membuat semakan ke dalam satu akaun bank dan mendapati wang sebanyak RM130,000 lesap," katanya.